



SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Great Eastern Takaful Catat Kejayaan Baharu dalam Malaysia Book of Records Bersama meningkatkan kesedaran alam sekitar dengan simbolik arca pasir penyu terbesar di Malaysia

14 Januari 2023, Pahang – Pengendali takaful keluarga, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) pada hari ini telah menganjurkan acara permulaan tahun dengan kehadiran hampir 1,200 warga agensi di Cherating, Pahang. Acara yang penuh dengan pengisian bermakna ini menyaksikan semangat tinggi para pejuang takaful untuk membantu melestarikan alam sekitar, selain memberikan khidmat terbaik untuk melindungi hampir 1 juta rakyat Malaysia.

Bertemakan '*dare to be different, we do it right*', ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan, lebih-lebih lagi apabila ia turut mencatatkan rekod baharu dalam Malaysia Book of Records dengan penghasilan arca pasir berbentuk penyu terbesar di Malaysia sepanjang 8.8 meter dengan kelebaran 6.4 meter. Arca tersebut dihasilkan bertujuan meningkatkan kesedaran para peserta program dan pengunjung mengenai isu alam sekitar dan pencemaran plastik yang boleh mengancam pelbagai spesis hidupan laut.

Acara kemuncak iaitu penyampaian sijil oleh pihak Malaysia Book of Record ini juga turut disaksikan oleh wakil YAB Menteri Besar Pahang iaitu Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan, YH. Dato' Hamdan bin Hussin, En. Kamarudin Ibrahim, Pengurus Besar Tourism Pahang, dan YH. Dato' Hj Idros Yahya, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman. Penglibatan semua tetamu kehormat dalam penghasilan arca tersebut melambangkan kerjasama erat antara Great Eastern Takaful dan pihak kerajaan negeri ke arah merealisasikan objektif perlindungan alam sekitar yang sama. Bandar Kuantan, di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Kuantan yang bakal dikenali sebagai 'Kuantan Bandaraya Pelancongan' menjadi destinasi pilihan pada tahun ini selain Cherating yang merupakan salah satu destinasi pelancongan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, "Sebagai pengendali takaful keluarga yang amat prihatin akan isu yang semakin meruncing ini, kami tampil untuk lakukan sesuatu yang luar biasa demi menarik perhatian seluruh warga agensi mengenai pencemaran plastik. Laporan berkaitan hidupan marin yang amat terjejas berpunca daripada plastik bukan perkara baharu, malah ia telah berlanjutan sejak sekian lama dan kes-kes seumpama itu semakin bertambah sehingga menyebabkan haiwan marin berdepan risiko kepupusan¹. Kami percaya, jika langkah

¹ <https://www.utusan.com.my/rencana/2022/06/kita-tak-peduli-isu-pencemaran-plastik/>

membendung isu ini dilakukan dengan kerjasama semua warga agensi dan disokong lebih ramai rakyat Malaysia, kita boleh mencapai kejayaan bersama.”

“Pada hari ini, kami turut membawakan mesin kitar dan penghasilan semula 2-dalam-1 untuk menghasilkan pelbagai barangan baharu yang boleh digunakan seperti sikat, pembaris, penyepit beg serta bekas sabun daripada plastik terbuang. Ia adalah sebahagian komitmen kami dalam merealisasikan inisiatif Value Based Intermediation Takaful (VBIT) ke arah penghasilan produk yang inovatif, perkhidmatan serta operasi perniagaan yang mampan di samping memberi impak positif kepada komuniti dan alam sekitar,” tambahnya.

Acara yang menitikberatkan isu alam sekitar ini amat unik kerana ia bukan sekadar meningkatkan kesedaran pesertanya, malah mereka diberikan panduan untuk mengamalkan langkah-langkah pengurusan sisa plastik dan merasai sendiri keseronokan aktiviti penghasilan semula.

Setiap tahun, warga agensi dan pengurusan Great Eastern Takaful akan mengadakan acara permulaan tahun untuk meraikan prestasi cemerlang dan menyuntik semangat warga agensi untuk terus meningkatkan usaha dan melindungi lebih ramai rakyat Malaysia. Dengan perkembangan perniagaan dan pertambahan warga agensi yang memberangsangkan pada tahun 2022, ia membuktikan kesungguhan mereka dalam merapatkan jurang perlindungan takaful di kalangan masyarakat.

Untuk maklumat lanjut:

Great Eastern Takaful - <https://www.greateasterntakaful.com/>

-TAMAT-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan Best New Islamic Institution pada 2011; Best New Takaful Institution pada 2012; dan Best Takaful Operator (Asia) pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan Fastest Growing Takaful Company in Malaysia oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom. Pada tahun 2020, Great Eastern Takaful dianugerahkan “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards 2020. Pada tahun yang sama, syarikat pengendali takaful ini juga dinobatkan sebagai penerima “CSR Initiative of 2020” oleh Insurance Asia Awards. Pada tahun 2021, Great Eastern Takaful telah memenangi “The BrandLaureate World Halal BestBrands e-Branding Awards 2021 – Brand of the Year – Takaful Solutions”. Terkini, Great Eastern Takaful dianugerahkan “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Tel: +6016 209 2341 | MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com